

Gerakan masih perlu Keng Yaik

BH 10/7/03
KUALA LUMPUR: Gerakan masih memerlukan
Presidennya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik me-
nerajui parti berkenaan bukan saja untuk meng-
hadapi pilihan raya umum akan datang.

Malah, Naib Presiden Gerakan, Senator Dr
Vijayarajam, berkata khidmat Dr Lim juga
diperlukan untuk memastikan kelangsungan
perjuangan parti itu.

Beliau berkata, ini kerana masih banyak per-
kara perlu dilakukan, terutama bagi memperke-
mas organisasi parti berkenaan sebagai antara
tunggak komponen Barisan Nasional (BN).

Dr Vijayarajam berkata, pada usia 64 tahun
sekarang, Dr Lim masih mempunyai kekuatan
fizikal dan mental untuk memimpin Gerakan ke
arah pemantapan struktur parti, sekali gus me-
astikan sokongan padu ahli dan penyokong
parti berkenaan.

“Projek pembinaan Universiti Terbuka Wawa-
san dan Menara Gerakan II memerlukan kepim-
pinan beliau. Jika beliau bersara sekarang, sukar
untuk parti meneruskan kedua-dua projek itu,”
katanya ketika dihubungi di Seremban, sema-
lam.

Beliau berkata demikian ketika diminta me-
ngulas kenyataan Dr Lim bahawa beliau sudah
lama menyuarakan hasrat untuk bersara dalam
politik dan kerajaan.

Kelmarin, Dr Lim berkata, beliau menyatakan
hasratnya itu kepada Datuk Seri Dr Mahathir
Mohamad sebelum Perdana Menteri mengu-
mumkan peletakan jawatannya, Jun tahun lalu.

Dua tahun lalu, Dr Lim pernah mengumum-
kan bahawa beliau akan bersara sebagai menteri
dalam masa terdekat bagi menumpukan perha-
tian kepada kerja politik. Bagaimanapun, Jawa-
tankuasa Kerja Pusat (CWC) Gerakan meminta
beliau supaya tidak menyuarakan hasratnya itu
secara terbuka.

Dr Vijayarajam berkata, tidak semestinya
apabila Dr Mahathir menyatakan hasrat untuk
bersara selepas Oktober ini dan peletakan jawa-
tan bekas Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling
Liong Sii bulan lalu, menyebabkan Dr Lim juga
harus bersara.

Sementara itu, Ahli CWC Gerakan yang juga
Exco Selangor, Datuk Lum Weng Keong yakin
ahli dan penyokong Gerakan di peringkat akar
umbi tidak merestui jika Dr Lim ingin bersara
sekarang.

“Patti masih memerlukan’ beliau untuk terus
memberikan sumbangan idea dan kepimpinan.
Bagaimanapun, ini bukan bermakna parti ke-
tandusan pemimpin pelapis,” katanya.